

08/03/2000

Astro: Kajian boleh jadi panduan

MASYARAKAT tidak perlu bimbang dan terkeliru dengan dakwaan rancangan televisyen yang disiarkan menerusi Astro membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

Pengarah filem, Mahadi J Murat, berkata masih belum ada fakta atau kajian terperinci yang dilaksanakan pihak tertentu boleh membawa petunjuk ke arah itu.

"Jika kita mahu menilai kesan rancangan terhadap masyarakat, selain peranannya dalam membentuk generasi kini dan akan datang, kajian menyeluruh serta terperinci perlu dilakukan terhadapnya.

"Ia turut membabitkan saluran televisyen terrestrial memandangkan siarannya lebih terbuka dan meluas," katanya yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Komisining Dan Produksi Astro.

Dia yang kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM) mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan meneliti sama ada rancangan asing yang disiarkan menerusi Astro mempengaruhi penduduk tempatan atau tidak.

"Kita akan lihat dulu apakah rancangan asing yang dipertontonkan kepada rakyat Malaysia itu mendatangkan kesan atau sebaliknya," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan seminar pengurusan Asean anjuran Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) Jepun di ibu negara pada 2 Mac lalu.

Sebelum ini, beberapa tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan mendesak kerajaan supaya mengawal kemasukan rancangan asing yang disiarkan Astro dengan alasan bimbang jika ia menjejaskan perpaduan kaum yang sudah lama dipupuk di negara ini, selain pembentukan jati diri bangsa pada masa depan.

Kata Mahadi, sebagai sebuah saluran televisyen yang berasaskan konsep langganan langsung seperti Terus-kepada-Pengguna (DtU), rancangan yang disiarkan Astro bersesuaian citarasa dan kehendak pelanggan.

"Rancangan disiarkan menerusi saluran berita, dokumentari, muzikal, filem, kartun dan sukannya seperti Discovery, Cable News Network (CNN), Cartoon Networks, Nickladeon, Disney, The National Geography, Star Movies, HBO, ESPN dan CNBC berjaya mengisi ruang yang diperlukan masyarakat.

"Jika ada pun rancangan tertentu yang dirasakan tidak sehaluan dengan agenda nasional atau usaha membina identiti masyarakat tempatan, pemerhatian menyeluruh dan terperinci hendaklah dilakukan pihak tertentu, di mana ia bukan saja membabitkan Astro, malah saluran televisyen lain," kata Mahadi.

Kata Mahadi, pandangannya ini tidak bermakna rancangan yang disiarkan Astro hanya mendatangkan kesan positif.

"Tidak dinafikan, ada juga yang tidak sesuai untuk masyarakat majmuk di sini. Terutamanya rancangan yang boleh memesongkan citarasa masyarakat terhadap tabiat, gaya hidup dan budaya luar.

"Bagi rancangan terbitannya sendiri khususnya yang disiarkan di Astro Ria perlu dipertingkatkan mutu, selain daya tarikannya. Malah, Astro Ria perlu jadi saluran utama Astro," katanya.

Mahadi turut menyarankan agar kajian bebas yang menyeluruh terhadap televisyen, penonton dan tabiat menonton wajar dilaksanakan, di mana ia boleh digunakan sebagai panduan dan bahan rujukan pada masa depan.

"Jabatan Pengajian Media UM sudi memberikan kerjasama berhubung perkara ini," katanya.

(END)